

850666

rb
f HD58.9
S943
2006

**PERHUBUNGAN STRUKTUR-PERSEKITARAN DENGAN
KEBERKESANAN ORGANISASI: PERANAN SISTEM
PERAKAUNAN PENGURUSAN DAN BUDAYA
ORGANISASI DI INDONESIA**

oleh

SUDARNO

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

21 SEPTEMBER 2006

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Penang, 21 September 2006

SUDARNO

S-ED0066

PENGHARGAAN

Alhamdulillahiraahirabbil 'Alamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya jualah penyelidik dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam juga diatitkan kepada nabi besar Muhammad SAW yang telah menunjuki penyelidik ke jalan yang mendapat ridho Allah SWT. Penyelidik mahu mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang ikhlas kepada ayahanda Syamsuri (Alm.) yang telah memberi dorongan agar selalu menuntut ilmu pengetahuan dan ibunda Hajah Mukharomah yang selalu mendo'a bagi kejayaan ananda, serta Profesor Madya Dr. Yuserrie Zainuddin selaku penyelia yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar dengan kesabaran dan pengertian dalam menggalakkan saya sepanjang penyelesaian tesis ini.

Terima kasih juga dirakamkan kepada Naib Canselor, Dekan Pusat Pengajian Pengurusan dan Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kesempatan, fasiliti, dan kemudahan. Terima kasih kepada Rektor dan Dekan Fakultas Ekonomi Universitas Diponegoro Semarang atas izin dan kepercayaannya.

Saya juga amat berterimakasih kepada Prof. Dr. Soewito (Alm.) dan Prof. Imam Ghozali, PhD yang telah memberi sokongan dan dorongan untuk belajar. Terimakasih kepada Prof. Agusty Ferdinand, PhD, Prof. Arifin, PhD, Kang M. Nasir, PhD, dan Kang Edy Yusuf, PhD yang sentiasa membantu dalam tempoh pengajian.

Sekalung terima kasih pula kepada kawan-kawan seperjuangan, Pak Bambang Hartadi, Pak Ali Zamhuri, Pak Akmal (Alm.), Dr. Galumbang, Dr.

Tafdil, Bang Puji, Nardi, Puspo, Buyung, Sefnedi, Nugroho, mbak Erlina, dan kawan lain yang belum disebutkan.

Pengertian, pengorbanan, ketabahan, dan do'a dari seorang isteri Ashfa Fikriyah melapangkan jalan bagi saya dalam menyudahkan tesis ini. Kepada ananda Amelitasari, Udar Firdaus, Anastasia Wulandari, Ahmad Ardabily Jifano, dan Ahmad Kafabih Rofano yang telah dan mahu memahami kerja-kerja ayahanda.

Selesainya tesis ini merupakan awal tugas dan tanggungjawab yang lebih besar. Oleh itu, saya minta keikhlasan cikgu Prof. Madya Yuserrie Zainuddin, Prof. Dato' Daing Nasir Ibrahim, dan Prof. Hasnah Haron ke atas ilmu pengetahuan yang telah diberikan kepada saya agar saya memperoleh ridho dari Allah SWT. Pula, saya minta do'a restu beliau agar saya mampu mengamalkan ilmu pengetahuan tersebut sesuai petunjuk Allah SWT dan Rosulnya, Muhammad SWA.

Penang, 21 September 2006

Penulis

Sudarno

S-ED0066

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	xvi
Senarai Rajah	xix
Abstrak	xxi
Abstract	xxiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Soalan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Sumbangan Kajian	15
1.5.1 Sumbangan Teoretikal	15
1.5.2 Sumbangan Praktikal	17
1.6 Definisi Pemboleh ubah Bersandar	18
1.6.1 Kecekapan	18
1.6.2 Produktiviti	19
1.7 Definisi Pemboleh ubah Tak Bersandar	19
1.7.1 Sistem Perakaunan Pengurusan (SPP)	19

1.7.1.1 Skop yang Luas	20
1.7.1.2 Ketepatan waktu	20
1.7.1.3 Kesatuan	20
1.7.1.4 Penggabungan	20
1.7.2 Persepsi Ketidakpastian Persekitaran (PKP)	21
1.7.3 Struktur Organisasi Desentralisasi (SOD)	21
1.7.4 Pemandangan SOD-PKP	21
1.8 Definisi Pemboleh ubah Penyederhana	21
1.8.1 Budaya Jarak Kuasa	22
1.8.2 Budaya Pengelakan Ketidakpastian	22
1.9 Susunan Tesis	23

BAB 2 TEORI DAN SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan	24
2.1 Pendekatan Kontingensi	24
2.1.1 Kesesuaian Sebagai Pemandangan	29
2.1.2 Kesesuaian Sebagai Pencelah	31
2.1.3 Kesesuaian Sebagai Penyederhana	33
2.2 Keberkesanan Organisasi	36
2.2.1 Pendekatan Pencapaian-Matlamat	37
2.2.2 Pendekatan Sistem	38
2.2.3 Pendekatan Strategik-Konstituen	39
2.2.4 Pendekatan Nilai-Persaingan	41
2.3 Sistem Perakaunan Pengurusan (SPP)	46
2.3.1 Makna dan Jenis SPP	48

3.1.3.1 Hubungan SPP, Keberkesanan Organisasi, dan Pemboleh ubah Penyederhana	98
3.1.3.2 Peranan SPP Sebagai Pemboleh ubah Pencelah	100
3.1.4 Hubungan SPP, Budaya Organisasi, dan Keberkesanan Organisasi	102
3.2 Pembentukan Hipotesis	105
3.3 Ringkasan	122

BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0 Pengenalan	123
4.1 Rekabentuk Kajian	123
4.2 Pengukuran Pemboleh ubah Kajian	124
4.2.1 Keberkesanan Organisasi	125
4.2.2 Sistem Perakaunan Pengurusan (SPP)	126
4.2.3 Budaya Organisasi	127
4.2.4 Persepsi Ketidakpastian Persekitaran (PKP)	127
4.2.5 Struktur Organisasi Desentralisasi (SOD)	128
4.2.6 Pepadanan SOD-PKP	128
4.3 Pembentukan Soal selidik	130
4.4 Populasi dan Persampelan	134
4.4.1 Populasi	134
4.4.2 Pensampelan	135
4.5 Pengutipan Data	137
4.6 Kualiti Data Kajian	138
4.6.1 Analisis Bias Maklumbalas	138

4.6.2	Ujian Nilai Ekstrem (Outlier) Data	139
4.6.3	Ujian Kesahan Pengukuran	139
4.6.4	Ujian Kebolehpercayaan Pengukuran	140
4.7	Teknik Analisis Data	141
4.7.1	Deskriptif Pemboleh ubah	141
4.7.2	Ujian Andaian Analisis Multivariat	141
4.7.2.1	Ujian Multikolineariti	142
4.7.2.2	Ujian Kenormalan	142
4.7.2.3	Ujian Heteroskedastisiti	143
4.7.2.4	Ujian Autokorelasi	143
4.7.2.5	Ujian Kelinearan	144
4.7.3	Analisis Korelasi Antara Pemboleh ubah Kajian	144
4.7.4	Ujian Hipotesis	145
4.8	Ringkasan	147

BAB 5 ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	148
5.1	Tahap Maklumbalas Responden	148
5.2	Profil Sampel	150
5.3	Analisis Bias Maklum balas	152
5.4	Ujian Nilai Data Ekstrem	153
5.5	Ujian Kesahan Pengukuran	155
5.5.1	Analisis Faktor Keberkesanan Organisasi	155
5.5.2	Analisis Faktor SPP	157
5.5.3	Analisis Faktor Budaya Organisasi	161

5.5.4 Analisis Faktor PKP	163
5.5.5 Analisis Faktor SOD	163
5.6 Ujian Kebolehpercayaan Pengukuran	165
5.7 Kaedah Analisis Data	174
5.7.1 Deskriptif Pemboleh ubah	174
5.5.2 Perkaitan Sampel dengan Pemboleh ubah Kajian	178
5.8 Ujian Andaian Analisis Multivariat	180
5.8.1 Ujian Multikolineariti	180
5.8.2 Ujian Kenormalan	182
5.8.3 Ujian Heteroskedastisiti	183
5.8.4 Ujian Autokorelasi	183
5.8.5 Ujian Kelinearan	185
5.9 Analisis Korelasi Antara Pemboleh ubah Kajian	185
5.10 Ujian Hipotesis	188
5.10.1 Hubungan Antara Pemadanan SOD-PKP Terhadap SPP	189
5.10.1.1 Kesan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Penggunaan Maklumat Skop yang Luas	189
5.10.1.2 Kesan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Penggunaan Maklumat Ketepatan Waktu	190
5.10.1.3 Kesan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Penggunaan Maklumat Kesatuan	192
5.10.1.4 Kesan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Penggunaan Maklumat Penggabungan	193
5.10.2 Peranan SPP Sebagai Pemboleh ubah Pencelah	195

5.10.2.1	Skop Yang Luas Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Kecekapan	197
5.10.2.2	Ketepatan Waktu Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Kecekapan	199
5.10.2.3	Kesatuan Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Kecekapan	201
5.10.2.4	Penggabungan Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Kecekapan	203
5.10.2.5	Skop Yang Luas Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Produktiviti	205
5.10.2.6	Ketepatan Waktu Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Produktiviti	207
5.10.2.7	Kesatuan Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Produktiviti	209
5.10.2.8	Penggabungan Sebagai Pencelah Hubungan Pemadanan SOD-PKP Ke atas Produktiviti	211

5.10.3 Peranan Budaya Organisasi Sebagai	
Pemboleh ubah Penyederhana	213
5.10.3.1 Peranan Budaya Jarak Kuasa Sebagai	
Penyederhana Hubungan SPP Ke atas	
Kecekapan	214
5.10.3.2 Peranan Budaya Jarak Kuasa Sebagai	
Penyederhana Hubungan SPP Ke atas	
Produktiviti	219
5.10.3.3 Peranan Budaya Pengelakan	
Ketidakpastian Sebagai Penyederhana	
Hubungan SPP Ke atas Kecekapan	224
5.10.3.4 Peranan Budaya Pengelakan	
Ketidakpastian Sebagai Penyederhana	
Hubungan SPP Ke atas Produktiviti	228
5.11 Ringkasan	232
BAB 6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
6.0 Pengenalan	238
6.1 Diskriptif Industri Pembuatan Di Indonesia	238
6.2 Kesan Pemandanan SOD-PKP Terhadap Penggunaan	
Maklumat SPP	244
6.3 Penggunaan Maklumat SPP Memediasi Hubungan Antara	
Pemandanan SOD-PKP Dengan Keberkesanan	
Organisasi	248

6.4 Budaya Organisasi Penyederhana Hubungan Antara Penggunaan Maklumat SPP Dengan Keberkesanan Organisasi	252
6.4.1 Budaya Jarak Kuasa Penyederhana Hubungan Antara Penggunaan Maklumat SPP Dengan Kecekapan Organisasi	252
6.4.2 Budaya Jarak Kuasa Penyederhana Hubungan Antara Penggunaan Maklumat SPP Dengan Produktiviti Organisasi	254
6.4.3 Budaya Pengelakan Ketidakpastian Penyederhana Hubungan Antara Penggunaan Maklumat SPP Dengan Kecekapan dan Produktiviti Organisasi	258
6.4.4 Budaya Pengelakan Ketidakpastian Penyederhana Hubungan Antara Penggunaan Maklumat SPP Dengan Kecekapan dan Produktiviti Organisasi	260
6.5 Implikasi	262
6.5.1 Implikasi Ke Atas Teoretikal	262
6.5.2 Implikasi Ke Atas Praktikal	266
6.6 Batasan Kajian	267
6.7 Cadangan Kajian Masa Hadapan	269
6.8 Ringkasan	270

RUJUKAN

LAMPIRAN

- A Soal selidik Penyelidikan
- B Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal selidik Kajian Rintis

- C Ujian Bias Maklum balas
- D Ujian Data Ekstrem
- E Analisis Faktor Keberkesanan Organisasi
- F Analisis Faktor Sistem Perakaunan Pengurusan (SPP)
- G Analisis Faktor Budaya Organisasi
- H Analisis Faktor Persepsi Ketidakpastian Persekitaran (PKP)
- I Analisis Faktor Struktur Organisasi Desentralisasi (SOD)
- J Kebolehpercayaan Soal selidik Penyelidikan
- K Deskriptif Pemboleh ubah dan Kepencongan
- L Hubungan Sampel dan Pemboleh ubah
- M Ujian Andaian Analisis Multivariat
- N Hubungan Antara Pemadanan SOD-PKP dengan SPP
- O Hubungan Antara Pemadanan SOD-PKP, SPP dan Kecekapan
- P Hubungan Antara Pemadanan SOD-PKP, SPP dan Produktiviti
- Q Hubungan Antara SPP, Budaya Organisasi dan Kecekapan
- R Hubungan Antara SPP, Budaya Organisasi dan Produktiviti

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1.1	KDNK dan produktiviti industri perkilangan tahun 2000-2004 (tahun asas 2000)	3
Jadual 2.1	Kriteria keberkesanan organisasi	44
Jadual 2.2	Dimensi-dimensi budaya	79
Jadual 3.1	Model-model kajian dalam penyelidikan SPP	86
Jadual 3.2	Dimensi-dimensi SPP yang dikaji	90
Jadual 4.1	Kesahan dan kebolehpercayaan pemboleh ubah kajian rintis	133
Jadual 5.1	Tahap maklum balas dan maklum balas yang digunakan	149
Jadual 5.2	Sektor dalam industri pembuatan	150
Jadual 5.3	Bilangan pekerja syarikat responden	151
Jadual 5.4	Umur penubuhan syarikat responden	151
Jadual 5.5	Beza purata soal selidik yang diterima awal dan akhir	153
Jadual 5.6	Nilai Z-score minimum dan maksimum	154
Jadual 5.7	Analisis faktor butiran keberkesanan organisasi	156
Jadual 5.8	Analisis faktor butiran SPP	158
Jadual 5.9	Analisis faktor butiran budaya organisasi	162
Jadual 5.10	Analisis faktor butiran PKP	164
Jadual 5.11	Analisis faktor butiran SOD	165
Jadual 5.12	Kebolehpercayaan pemboleh ubah kajian	166
Jadual 5.13	Koefisien alfa dan korelasi keseluruhan-butiran kecekapan dan produktiviti	167

Jadual 5.14	Koefisien alfa dan korelasi keseluruhan-butiran dimensi SPP	169
Jadual 5.15	Koefisien alfa dan korelasi keseluruhan-butiran budaya jarak kuasa dan budaya pengelakan ketidakpastian	171
Jadual 5.16	Koefisien alfa dan korelasi keseluruhan-butiran PKP	173
Jadual 5.17	Koefisien alfa dan korelasi keseluruhan-butiran SOD	174
Jadual 5.18	Deskriptif pemboleh ubah kajian	175
Jadual 5.19	Perkaitan sampel dan pemboleh ubah kajian	179
Jadual 5.20	Nilai tolerans dan VIF pemboleh ubah kajian	181
Jadual 5.21	Nilai Z-skewness pemboleh ubah kajian	182
Jadual 5.22	Nilai probabiliti (p) hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar terhadap nilai sisa mutlak kecekapan dan produktiviti	184
Jadual 5.23	Koefisien hubungan antara pemboleh ubah kajian	187
Jadual 5.24	Hubungan pepadanan SOD-PKP ke atas maklumat skop yang luas	190
Jadual 5.25	Hubungan pepadanan SOD-PKP ke atas maklumat ketepatan waktu	191
Jadual 5.26	Hubungan pepadanan SOD-PKP ke atas maklumat kesatuan	193
Jadual 5.27	Hubungan pepadanan SOD-PKP ke atas maklumat penggabungan	194
Jadual 5.28	Hubungan pepadanan SOD-PKP, skop yang luas, dan kecekapan	198

Jadual 5.29	Hubungan pepadanan SOD-PKP, ketepatan waktu, dan kecekapan	200
Jadual 5.30	Hubungan pepadanan SOD-PKP, kesatuan, dan kecekapan	202
Jadual 5.31	Hubungan pepadanan SOD-PKP, penggabungan, dan kecekapan	204
Jadual 5.32	Hubungan pepadanan SOD-PKP, skop yang luas, dan produktiviti	206
Jadual 5.33	Hubungan pepadanan SOD-PKP, ketepatan waktu, dan produktiviti	208
Jadual 5.34	Hubungan pepadanan SOD-PKP, kesatuan, dan produktiviti	210
Jadual 5.35	Hubungan pepadanan SOD-PKP, penggabungan, dan produktiviti	212
Jadual 5.36	Hubungan SPP, budaya jarak kuasa, dan kecekapan	215
Jadual 5.37	Hubungan SPP, budaya jarak kuasa, dan produktiviti	220
Jadual 5.38	Hubungan SPP, budaya pengelakan ketidakpastian, dan kecekapan	225
Jadual 5.39	Hubungan SPP, budaya pengelakan ketidakpastian, dan produktiviti	229
Jadual 5.40	Ringkasan dapatan ujian hipotesis	234

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 2.1 Model keberkesanan organisasi	42
Rajah 2.2 Pengembangan bentuk budaya	76
Rajah 3.1 Model perkaitan pepadanan SOD-PKP, SPP, budaya, dan keberkesanan organisasi	89
Rajah 5.1 Kriteria pemboleh ubah pencilah sempurna	196
Rajah 5.2 Kriteria pemboleh ubah pencilah separa	197
Rajah 5.3 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, skop yang luas, dan kecekapan	198
Rajah 5.4 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, ketepatan waktu, dan kecekapan	200
Rajah 5.5 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, kesatuan, dan kecekapan	202
Rajah 5.6 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, penggabungan dan kecekapan	204
Rajah 5.7 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, skop yang luas, dan produktiviti	206
Rajah 5.8 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, ketepatan waktu, dan produktiviti	208
Rajah 5.9 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, kesatuan, dan produktiviti	210
Rajah 5.10 Perkaitan antara pepadanan SOD-PKP, penggabungan, dan produktiviti	212

Rajah 5.11 Peranan budaya jarak kuasa sebagai penyederhana hubungan penggunaan maklumat kesatuan dengan kecekapan	217
Rajah 5.12 Peranan budaya jarak kuasa sebagai penyederhana hubungan penggunaan maklumat penggabungan dengan kecekapan	218
Rajah 5.13 Peranan budaya jarak kuasa sebagai penyederhana hubungan penggunaan maklumat skop yang luas dengan produktiviti	222
Rajah 5.14 Peranan budaya jarak kuasa sebagai penyederhana hubungan penggunaan maklumat kesatuan dengan produktiviti	223
Rajah 5.15 Peranan budaya pengelakan ketidakpastian sebagai penyederhana hubungan penggunaan maklumat skop yang luas dengan produktiviti	231

**PERHUBUNGAN STRUKTUR-PERSEKITARAN DENGAN
KEBERKESANAN ORGANISASI: PERANAN SISTEM PERAKAUNAN
PENGURUSAN DAN BUDAYA ORGANISASI
DI INDONESIA**

ABSTRAK

Sistem perakaunan pengurusan (SPP) menyediakan maklumat yang relevan dan tepat bagi pengambilan keputusan yang efektif dan selanjutnya boleh meningkatkan pencapaian keberkesanan organisasi. Perkaitan antara SPP dengan keberkesanan organisasi bergantung ke atas pemboleh ubah kontekstual, seperti budaya. Selain itu, SPP dipengaruhi oleh pepadanan antara struktur organisasi desentralisasi (SOD) dan persepsi ketidakpastian persekitaran (PKP). Kajian ini menyiasat peranan amalan budaya organisasi sebagai pemboleh ubah penyederhana daripada hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi. Di samping itu, kajian menyiasat peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan organisasi. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik untuk mengutip data dari pengurus kanan syarikat pembuatan. Analisis berasaskan 67 syarikat pembuatan yang disenarai dalam Bursa Efek Jakarta yang telah memberi maklum balas. Ujian hipotesis menggunakan regresi berganda bertahap. Analisis statistiknya menunjukkan bahawa budaya organisasi memoderatkan hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi. Manakala budaya jarak kuasa berperanan memoderatkan hubungan antara penggunaan maklumat kesatuan dan maklumat penggabungan ke atas kecekapan organisasi. Pemboleh ubah ini juga

memoderatkan hubungan antara penggunaan maklumat skop yang luas dan maklumat kesatuan terhadap produktiviti organisasi. Bagaimanapun, budaya pengelakan ketidakpastian hanya memoderatkan hubungan antara penggunaan maklumat skop yang luas dan produktiviti organisasi. Penemuan yang lain adalah menyokong peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan organisasi. Khususnya, penggunaan maklumat skop yang luas, maklumat kesatuan, dan maklumat penggabungan boleh bertindak sebagai pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan kecekapan atau produktiviti organisasi. Manakala penggunaan maklumat ketepatan waktu bukan merupakan pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan kecekapan atau produktiviti organisasi.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN STRUCTURE-ENVIRONMENT AND
THE ORGANIZATIONAL EFFECTIVENESS: THE ROLE OF MANAGEMENT
ACCOUNTING SYSTEMS AND ORGANIZATIONAL CULTURE
IN INDONESIA**

ABSTRACT

Management accounting systems (MAS) provides relevant and accurate information for effective decision making and subsequently enhance organizational effectiveness. The relationship between MAS and organizational effectiveness is predicted to be influenced by organizational culture. On the other hand, the usage MAS information is influenced by the match between it decentralization and perceived environment uncertainty. This study investigates the role of organizational culture as a moderating variable on the relationship between MAS and organizational effectiveness. In addition, this study investigates the role of MAS as a mediating variable on the relationship between the matching variables (i.e. decentralization and perceived environment uncertainty) and organizational effectiveness. A survey using questionnaires was designed to collect data from senior managers of manufacturing companies. Responses from 67 manufacturing companies listed on the Jakarta Stock Exchange was analysed. Hierarchical multiple regression was employed to test the hypotheses. The results showed that organizational culture moderates the relationship between MAS and organizational effectiveness. Specifically, power distance strengthens the relationship between aggregation and integration information and efficiency. It also moderates the relationship between broad scope and aggregation information and productivity.

However, uncertainty avoidance only moderates the relationship between broad scope information and productivity. Other findings support the mediating the role of MAS on the relationship between the matching variables (i.e. decentralization and perceived environment uncertainty) and organizational effectiveness. Specifically, broad scope, aggregation, and integration information act as the mediating variables on the relationship between the matching variables (i.e. decentralization and perceived environment uncertainty) and efficiency or productivity. Meanwhile, timeliness information does not mediate the relationship between the matching variables (i.e. decentralization and perceived environment uncertainty) and efficiency or productivity.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Penyelidikan ini mengkaji peranan sistem perakaunan pengurusan (SPP) dalam meningkatkan tahap keberkesanan syarikat. Bahagian ini menghuraikan tentang perkaitan antara pepadanan struktur organisasi desentralisasi (SOD) – persepsi ketidakpastian persekitaran (PKP), SPP, dan budaya syarikat ke atas keberkesanan syarikat. Perbincangan bermula dari latar belakang masalah yang menjadi asas masalah kajian dan hubungan antara pemboleh ubah. Selanjutnya membincangkan pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian, dan sumbangan kajian yang mengandungi sumbangan kepada teori dan sumbangan kepada praktikal. Bahagian ini diakhiri dengan pembentangan urutan tesis.

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Syarikat di Indonesia secara berterusan menghadapi situasi yang tidak stabil. Situasi ini bermula dari krisis kewangan pada tahun 1997 yang dilanjutkan kekacauan politik pada tahun 1998. Situasi ini mempengaruhi tahap keberkesanan industri, khasnya industri pembuatan. Menurut Stuivenwold dan Timmer (2003), industri pembuatan merupakan pendorong yang utama ke atas kemajuan ekonomi negara. Jadi, tahap keberkesanan syarikat boleh mempengaruhi tahap kemajuan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan produktiviti suatu negara.

Indonesia memiliki tahap kemajuan KDNK yang rendah, iaitu di bawah tiga peratus (Oguchi, 2004). Menurut report APO (2004), tahap purata kemajuan KDNK untuk tempoh 1995-1999 adalah 1.44 peratus. Manakala tahap purata kemajuan KDNK untuk tempoh 2000-2004 sebanyak 1.11 peratus (Jadual 1.1). Selain dari itu, Indonesia memiliki tahap produktiviti yang rendah. Report APO (2004) menunjukkan bahawa Indonesia memiliki tahap produktiviti paling rendah di antara negara ASEAN (Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam), iaitu sebanyak -3.67 untuk tempoh 1995-1999. Hal ini nampak daripada daya saing Indonesia dalam perniagaan. Menurut Porter (1998), produktiviti merupakan penentu utama tahap daya saing, sama ada tahap individu, syarikat, industri, mahupun tahap kemajuan negara. Daya saing Indonesia setelah krisis kewangan, iaitu pada tahun 1999 berada di tangga ke 37. Daya saing ini menurun secara berterusan, dan pada tahun 2002 dan 2003 berada di tangga paling rendah, iaitu di tangga ke 69 dan ke 72 (Martin, 2004). Pada tahun 2004, daya saing Indonesia meningkat kembali, iaitu berada di tangga ke 69 (Claros, 2005).

Menurut Stuiwenwold dan Timmer (2003), industri pembuatan merupakan pendorong yang penting ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga, pemberi sokongan yang paling tinggi berbanding sokongan industri yang lain, seperti industri perkhidmatan (van Ark & Timmer, 2003). Industri pembuatan di Indonesia merupakan penyokong paling tinggi ke atas KNDK Indonesia (Biro Pusat Statistik Jakarta, 2002). Purata sokongan industri pembuatan di Indonesia ke atas KNDK untuk tempoh 2000-2004 sebanyak 24.46 peratus (Jadual 1.1). Ini bermakna, KNDK dan produktiviti sesuatu negara yang rendah merupakan petunjuk bahawa keberkesanan industri pembuatan negara

tersebut adalah rendah. Oleh itu, tahap kemajuan KDNK dan produktiviti Indonesia yang rendah merupakan gambaran keberkesanan industri di Indonesia yang rendah, khususnya industri pembuatan.

Jadual 1.1

Keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan produktiviti industri pembuatan tahun 2000-2004 (tahun asas 2000)

Tahun	K D N K		Industri Pembuatan		
	Nilai (milyar Rp.)	Kema- juan	Nilai (milyar Rp.)	Kema- juan	Sokongan
2000	1,389,770.30	1	331,318.00	1	23.84
2001	1,442,984.60	1.04	347,429.00	1.05	24.08
2002	1,504,380.60	1.08	367,208.60	1.11	24.41
2003	1,572,159.30	1.13	389,145.50	1.17	24.75
2004	1,660,578.80	1.19	418,934.60	1.26	25.23
Purata	1,513,974.72	1.11	370,807.14	1.12	24.46

Sumber: Departemen Perindustrian RI (2005)

Menurut Haryo dan Tubagus (2004), tahap kemajuan produktiviti industri pembuatan adalah sebanyak 10 peratus setiap tahun. Hal ini selaras dengan dapatan analisis de Leeuw (2002), iaitu pada tempoh 1998-2001 tahap kemajuan produktiviti industri pembuatan sebanyak sembilan peratus dengan tahun asas 1993. Pendapat yang berbeza daripada Pangestu (2004) bahawa tahap kemajuan pengeluaran industri pembuatan di Indonesia adalah sebanyak 1.50 peratus untuk tempoh 1998-2003. Pendapat Pangestu (2004) ini dikukuhkan oleh data Departemen Perindustrian RI (2005), iaitu tahap purata kemajuan produktiviti industri pembuatan adalah 1.12 peratus untuk tempoh 2000-2004 dengan tahun asas 2000 (Jadual 1.1). Seterusnya, Kwik (2003)

menyatakan bahawa repot kewangan daripada syarikat di Indonesia adalah baik (memperoleh untung). Walau bagaimanapun, apabila dilakukan analisis lebih mendalam dan terperinci maka didapati kedudukan syarikat tersebut sebenarnya adalah rugi.

Jadual 1.1 menunjukkan bahawa tahap produktiviti industri pembuatan naik berterusan, iaitu pada tahun 2001 sebanyak 1.05 peratus dan pada tahun 2004 sebanyak 1.26 peratus. Namun, tahap produktiviti industri pembuatan tersebut masih rendah kerana lebih rendah daripada dua peratus (Oguchi, 2004). Hal ini selaras jangkaan Basri (1995) yang termaktub pada analisis situasi ekonomi Indonesia yang memasuki ke abad 21. Jangkaan tersebut ialah industri pembuatan di Indonesia yang menggunakan teknologi berintensif buruh adalah tidak produktif dan mempunyai kos yang tidak efisien (Basri, 1995). Hal ini kerana buruh di Indonesia memiliki tahap produktiviti yang rendah (Djohanputro, 2004; Nugroho, 2005) dan ada peningkatan kos tersembunyi atau kos di luar ketentuan (Pangestu, 2004). Bahkan, kos tersembunyi ini mencapai 9-11 peratus daripada kos pengeluaran dan ianya boleh menimbulkan persoalan ketidakpastian. Kos tersembunyi ini adalah akibat daripada rasuah, kutipan tambahan yang berkenaan dengan birokrasi, dan birokrasi/peraturan yang harus dipenuhi telah meningkat (Pangestu, 2004).

Menurut Hidayat (2004) dalam Sumbodo (2005), faktor utama produktiviti dan efisien (dimensi keberkesanan organisasi) yang rendah adalah kebolehan sumber manusia yang rendah terutama berkenaan dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Ini bermakna, pengurus syarikat tidak boleh menggunakan maklumat dengan baik di dalam proses pengurusan. Hal ini disokong oleh pendapat Hermi (1993) yang menyatakan bahawa tahap penggunaan

maklumat oleh pengurus syarikat di Indonesia adalah rendah. Padahal, pengurus di dalam melakukan aktiviti (proses pengurusan) sangat memerlukan maklumat yang jelas dan tepat (Mukhopadhyay & Cooper, 1992).

Terdapat pelbagai sistem maklumat di dalam organisasi, seperti sistem maklumat pengurusan, sistem sokongan keputusan, dan sistem perakaunan pengurusan (SPP). Walau bagaimanapun, SPP merupakan sistem maklumat yang penting. Hal ini kerana SPP merupakan sumber maklumat yang berasaskan perakaunan. Lebih tegas Joseph (1987) menyatakan bahawa sebahagian besar amalan peniagaan berkaitan dengan perakaunan. Oleh itu, SPP merupakan sumber utama maklumat bagi pengurusan organisasi. SPP menjadi begitu penting dalam organisasi kerana ianya bukan sekadar merupakan sistem fungsi kewangan yang lengkap untuk meramal perancangan masa hadapan, tetapi juga merupakan sistem penyediaan maklumat yang tepat dan relevan untuk mengira kos perkhidmatan, kos produk, perancangan, pengawalan, penilaian, pengambilan keputusan, dan matlamat lain yang diperlukan oleh pengurusan (Hansen & Mowen, 2000).

Menurut Chenhall (2003), hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi memiliki sifat ketekalan. Hal ini kerana SPP boleh menyediakan maklumat yang relevan dan tepat, selanjutnya pengurusan boleh mengambil keputusan yang paling baik (tepat dan benar) bagi pencapaian tujuan (seperti keberkesanan) organisasi. Tetapi, peningkatan keberkesanan organisasi bergantung ke atas tahap kesesuaian (*fit*) antara penggunaan SPP dengan pemboleh ubah kontekstual (seperti: persekitaran, teknologi, strategi, struktur, besaran, budaya). Maksudnya, penggunaan SPP mesti bersesuaian dengan pemboleh ubah kontekstual tersebut di dalam memberi kesan ke atas

keberkesanan organisasi. Kajian ini mengkonsepsualisasikan kesesuaian sebagai penyederhana, pencelah, dan pepadanan.

Pelbagai pemboleh ubah kontekstual yang menjadi penyederhana perkaitan antara SPP dengan prestasi telah dikenalpasti oleh pengkaji-pengkaji pengurusan perakaunan. Antaranya, pengaruh persekitaran ke atas hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus (Gul, 1991), kesan struktur organisasi ke atas perkaitan antara SPP dengan prestasi pengurus (Chang, Chang, & Paper, 2003; Chia, 1995), dan peranan teknologi pada hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus atau pulangan atas pelaburan (Choe, 2004; Mia, 2000). Kesan pemboleh ubah lain (seperti tolak ansur ke atas kekaburan, ketidakpastian tugas) ke atas hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus telah dikaji pula oleh Chong (1996, 1998). Selain itu, Gul dan Chia (1994) mengkaji kesan interaksi struktur organisasi dan persekitaran ke atas perkaitan antara SPP dengan prestasi pengurus. Khas peranan pemboleh ubah budaya sebagai penyederhana telah dikaji oleh Newman dan Nollen (1996). Mereka mengkaji pengaruh budaya kebangsaan ke atas hubungan antara penglibatan belanjawan dengan keberkesanan organisasi. Manakala Tsui (2001) mengkaji perbezaan budaya kebangsaan pengurus yang terlibat menyusun belanjawan ke atas hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus. Berasaskan kajian-kajian di atas maka terdapat ruang penyelidikan, pertama pemboleh ubah bersandar fokus pada prestasi pengurus atau prestasi sub-unit syarikat tetapi masih terhad kajian yang menggunakan keberkesanan organisasi, khasnya kecekapan dan produktiviti. Kedua, masih terhad kajian yang menyelidiki peranan budaya organisasi secara langsung sebagai penyederhana ke atas perkaitan antara SPP dengan keberkesanan organisasi.

Industri pembuatan yang disenaraikan dalam Bursa Efek Jakarta menjadi fokus penyelidikan kerana saham syarikat yang boleh dimiliki oleh pelbagai bentuk pelabur dan syarikat memiliki skop pasaran antara bangsa. Menurut Taliziduhu (1997) pemilik boleh memberi kesan ke atas amalan budaya syarikat dan tekanan dunia perniagaan dan pasaran antara bangsa mempengaruhi pula amalan budaya syarikat (Turner, 1992). Memandang kepelbagaian bentuk pemilik dan kemampuan maklum balas syarikat ke atas tekanan dunia perniagaan, maka amalan budaya pada sesuatu syarikat berbeza dengan syarikat yang lain. Budaya memiliki sifat autokratik hingga demokratik. Sifat ini berkenaan dengan tahap pengagihan autoriti. Oleh itu, budaya memiliki perkaitan dengan penggunaan maklumat. Menurut Choe (2004), budaya sebagai norma dan nilai semula jadi daripada orang akan mempengaruhi kesukaan pengurus ke atas ciri-ciri maklumat. Berasaskan saranan Risseuw dan Masurel (1993) dan Williams dan Seaman (2001) bahawa budaya merupakan penyederhana yang sangat menonjol bagi kejayaan syarikat, maka kajian ini cuba untuk menguji peranan budaya organisasi sebagai pemboleh ubah penyederhana daripada hubungan antara SPP dengan keberkesanan syarikat.

Di samping itu, pengkaji-pengkaji telah pula menyelidiki pengaruh pelbagai pemboleh ubah kontekstual ke atas SPP yang juga akan berpengaruh ke atas prestasi. Maknanya, SPP berperanan sebagai pemboleh ubah pencelah daripada hubungan antara pemboleh ubah kontekstual dengan keberkesanan organisasi. Kajian Mia (1993) menyelidiki peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencelah ke atas hubungan antara persekitaran dan kepuasan dengan prestasi pengurus. Penyelidikan yang dilakukan Chong dan Chong (1997) menyokong

kesahan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara persekitaran dan strategi ke atas prestasi sub-unit syarikat. Perkaitan pemboleh ubah lain, seperti intensiti persaingan pasaran dengan prestasi unit niaga telah pula menjadikan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah hubungan tersebut (Mia & Clarke, 1999). Kajian di Indonesia tentang peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah daripada hubungan antara persekitaran dengan prestasi pengurus telah dilakukan oleh Azhar (2004). Ianya tidak berjaya membuktikan peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencilah hubungan tersebut.

Menurut Otley (1980) organisasi selalu beradaptasi untuk menghadapi ketidakpastian. Kaedahnya iaitu menyusun faktor-faktor yang dapat dikawal (dimiliki organisasi) bagi membentuk susun atur yang bersesuaian, sehingga dapat menghasilkan keberkesanan organisasi. Hal ini selaras dengan asas teori sistem organisasi terbuka, iaitu organisasi cenderung kepada situasi keseimbangan dinamik dengan persekitaran, iaitu melalui perubahan berterusan daripada faktor dalaman organisasi (Hrebiniak & Joyce, 1985). Menurut Brownell (1982) apabila tahap ketidakpastian persekitaran syarikat meningkat, maka syarikat tersebut bergerak balas untuk menambah bilangan unit dan jenis unit kecilnya (melakukan desentralisasi). Ini bermakna struktur organisasi mesti bersesuaian dengan persekitarannya. Wujud kesesuaian antara struktur organisasi dan persekitaran adalah pepadanan (Bourgeois III, 1985; Drazin & Van de Ven, 1985).

Pendapat Bourgeois III (1985) dan Drazin dan Van de Ven (1985) ini disokong oleh pendapat Mia dan Mia (1996) bahawa penemuan kajian Gordon dan Narayanan (1984) dan penemuan kajian Chenhall dan Morris (1986) tidak

memiliki ketekalan. Penemuan kedua-dua kajian ini memberi ketidakjelasan mana satu di antara SOD dan PKP yang berperanan sebagai pemboleh ubah pencelah pada perkaitan antara SOD dan PKP ke atas SPP. Sokongan daripada penemuan Gul dan Chia (1994), jika SOD dan PKP berasingan maka kedua-duanya bukan pemboleh ubah peramal, tetapi jika SOD dan PKP melakukan interaksi (sepadan) maka pemboleh ubah interaksian tersebut boleh sebagai pemboleh ubah peramal yang kukuh. Kajian ini mengkonsepsualisasikan kesesuaian antara SOD dan PKP adalah pepadanan, di mana wujud pepadanan dijelaskan sebagai interaksi (Drazin & Van de Ven, 1985).

Menurut Bromwich (1990), peranan SPP menyediakan maklumat untuk membuat keputusan. Di mana kualiti keputusan boleh meningkatkan keberkesanan organisasi (Nadler & Tushman, 1988). Ini petunjuk bahawa pepadanan SOD-PKP tidak memiliki perkaitan langsung terhadap keberkesanan organisasi, tetapi mesti melalui penggunaan maklumat (SPP). Beberapa pengkaji, iaitu Lin dan Li (2004) dan Schoonhoven (1981) telah menyelidiki hubungan langsung pepadanan SOD-PKP ke atas keberkesanan organisasi. Kajian mereka mendapati hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan organisasi tidak memiliki ketekalan. Oleh itu, kajian ini cuba menyelidiki peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencelah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan syarikat.

1.2 Penyataan Masalah

Krisis kewangan pada tahun 1997 dan kekacauan politik pada tahun 1998 telah memberi bukti bahawa asas ekonomi Indonesia tidak kukuh. Indonesia hingga

masa sekarang masih berdaya upaya untuk lepas dari situasi krisis tersebut. Keupayaan tersebut berkaitan dengan produktiviti industri pembuatan, di mana industri pembuatan merupakan penyokong paling besar ke atas KDNK (purata 24.46 peratus). Meskipun produktiviti industri pembuatan menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, iaitu sebanyak 1.05 peratus pada tahun 2001 meningkat menjadi 1.26 peratus pada tahun 2004 (Jadual 1.1), tetapi produktiviti industri pembuatan tersebut adalah rendah (purata 1.12). Ini kerana kurang daripada dua peratus (Oguchi, 2004). Rendahnya tahap produktiviti industri pembuatan ini membuat keupayaan untuk lepas dari situasi krisis belum memberi kesan.

Menurut Nugroho (2005) dan Sumbodo (2005), produktiviti yang rendah ini bukan bermula dari krisis kewangan tetapi telah berlaku pada tempoh masa sebelumnya. Ini disokong oleh repot APO (2004), iaitu produktiviti daripada syarikat memiliki nilai negatif (sebanyak -3.67 untuk tempoh 1995-1999). Nilai produktiviti yang negatif ini menunjukkan industri pembuatan di Indonesia bukan sebagai penyokong kemajuan ekonomi tetapi menjadi pengurang. Inilah yang menyebabkan krisis kewangan di Indonesia berterusan. Di samping itu, kos daripada industri pembuatan adalah tidak efisien (Basri, 1995; Pangestu, 2004). Sebab utama kos tidak efisien adalah kos pekerja tinggi dan kos di luar ketentuan tinggi pula.

Keberkesanan syarikat (kecekapan dan produktiviti) dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran seperti: peningkatan persaingan pasaran (seperti dari: China dan Vietnam), ketidakstabilan makro, rasuah yang tinggi, ketidakpastian (banyak peraturan yang harus diikuti), dan membaiki prasarana untuk perniagaan (Pangestu,

2004). Faktor dalaman berupa kebolehan sumber manusia yang rendah (Hidayat, 2004 dalam Sumbodo, 2005). Ini bermakna, agar keberkesanan syarikat meningkat maka peranan kerajaan diperlukan untuk membuat situasi persekitaran yang kondusif bagi perniagaan dan peningkatan kebolehan sumber manusia agar mampu melakukan proses pengurusan yang baik. Di dalam keadaan ini, pengurusan memerlukan prasarana yang memberi maklumat tentang aktiviti pesaing, memberi dorongan untuk meningkatkan produktiviti, dan dapat memantau kecekapan kos. Prasarana yang diperlukan pengurusan adalah SPP yang efektif, iaitu SPP yang menyediakan maklumat yang relevan dan tepat, selanjutnya pengurusan boleh mengambil keputusan yang paling baik (tepat dan benar) bagi pencapaian keberkesanan organisasi. Hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi (seperti kecekapan dan produktiviti) bergantung kepada pemboleh ubah kontekstual (Chenhall, 2003).

Di antara pemboleh ubah kontekstual yang banyak diberi perhatian bagi mempengaruhi hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi adalah budaya (Risseeuw & Masurel, 1993; Williams & Seaman, 2001). Kajian empirik mendapati budaya memberi kesan ke atas hubungan antara persekitaran industri dengan pulangan atas pelaburan (Sorensen, 2002). Penemuan kajian lainnya, budaya pengelakan ketidakpastian mempengaruhi hubungan antara polisi atau arahan dengan pulangan atas pelaburan dan budaya jarak kuasa mempengaruhi hubungan antara penglibatan belanjawan dengan pulangan atas pelaburan (Newman & Nollen, 1996). Manakala kajian Tsui (2001) mendapati kesesuaian antara budaya kebangsaan dan penglibatan belanjawan merupakan penyederhana hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus.

Permasalahan kajian yang pertama sekali adalah bagaimana peranan budaya organisasi sebagai pemboleh ubah penyederhana daripada hubungan antara SPP dengan keberkesanan syarikat.

Di samping itu, pemboleh ubah kontekstual yang berkenaan ke atas hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi adalah SOD dan PKP. Perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah kontekstual tersebut berupa pepadanan. Wujud pepadanan SOD-PKP merujuk ke atas pendapat Bourgeois III (1985) dan Drazin dan Van de Ven (1985). Mereka menyatakan bahawa wujud kesesuaian antara struktur organisasi dan persekitaran adalah pepadanan. Penemuan kajian empirikal telah memberi sokongan ke atas pendapat tersebut. Apabila wujud kesesuaian antara SOD dan PKP sebagai pencelah ke atas perkaitan dengan SPP maka kajian Gordon dan Narayanan (1984) dan Chenhall dan Morris (1986) mendapati ketidakjelasan wujud kesesuaian tersebut. Kajian Gordon dan Narayanan (1984) mendapati PKP sebagai pemboleh ubah pencelah daripada hubungan antara SOD dengan SPP. Sebaliknya, kajian Chenhall dan Morris (1986) menunjukkan SOD sebagai pemboleh ubah pencelah daripada hubungan antara PKP dengan SPP. Penemuan kajian Gul dan Chia (1994) mengukuhkan wujud kesesuaian antara SOD dan PKP adalah pepadanan. Mereka mendapati bahawa SOD sahaja atau PKP sahaja tidak memberi kesan ke atas hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus. Tetapi, interaksi SOD dan PKP memberi kesan ke atas hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus.

SPP menyediakan maklumat untuk membuat keputusan dan kualiti keputusan boleh mempengaruhi keberkesanan organisasi (Bromwich, 1990; Nadler & Tushman, 1988). Jadi, pepadanan, SOD-PKP tidak memiliki

hubungan langsung dengan keberkesanan organisasi. Kajian ini mengkonsepsualisasikan kesesuaian antara SOD dan PKP adalah pepadanan yang dijelaskan sebagai interaksi (Drazin & Van de Ven, 1985). Kajian empirik tentang hubungan langsung antara interaksi SOD-PKP dengan keberkesanan organisasi mendapati saling bercanggah. Penemuan kajian Lin dan Li (2004) adalah interaksi SOD-PKP memiliki kesan positif ke atas prestasi organisasi. Sebaliknya, kajian Schoonhoven (1981) mendapati interaksi SOD-PKP berpengaruh negatif ke atas prestasi organisasi. Manakala penemuan kajian Gul dan Chia (1994) menunjukkan bahawa tidak ada perkaitan antara interaksi SOD-PKP dengan prestasi pengurus. Oleh itu, permasalahan kajian yang kedua adalah bagaimana peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencelah daripada hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan syarikat.

1.3 Soalan Kajian

Berasaskan permasalahan kajian di atas, iaitu bagaimana peranan budaya syarikat sebagai pemboleh ubah penyederhana hubungan antara SPP dengan keberkesanan syarikat dan bagaimana peranan SPP sebagai pemboleh ubah pencelah hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan keberkesanan syarikat, maka diperolehi soalan kajian sebagai berikut:

1. Apakah bentuk budaya industri pembuatan dan tahap maklumat SPP yang terdapat di industri pembuatan di Indonesia?
2. Apakah ciri-ciri pepadanan SOD-PKP dan tahap keberkesanan industri pembuatan di Indonesia?

3. Bagaimanakah pepadanan SOD-PKP akan mempengaruhi tahap penggunaan maklumat SPP?
4. Bagaimanakah penggunaan maklumat SPP sebagai pencilah hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan tahap keberkesanan industri pembuatan?
5. Bagaimanakah budaya industri pembuatan meningkatkan hubungan antara penggunaan maklumat SPP dengan keberkesanan industri pembuatan?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menguji, mengesahkan, dan menerangkan peranan budaya syarikat di dalam industri pembuatan di Indonesia dalam meningkatkan tahap hubungan antara penggunaan maklumat SPP dengan keberkesanan syarikat. Budaya syarikat mengandungi dimensi budaya jarak kuasa dan budaya pengelakan ketidakpastian. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti kesan daripada kedua-dua dimensi tersebut ke atas hubungan antara dimensi-dimensi SPP (skop yang luas, ketepatan waktu, kesatuan, dan penggabungan) dengan dimensi-dimensi keberkesanan syarikat (kecekapan dan produktiviti).

Selain dari itu, kajian ini cuba mengenal pasti dimensi-dimensi SPP yang dipengaruhi oleh situasi padan daripada SOD dan PKP. Selanjutnya, kajian ini juga ingin menguji peranan dimensi-dimensi SPP dalam menghubungkan perkaitan antara pepadanan SOD-PKP dengan dimensi-dimensi keberkesanan syarikat.

Secara khasnya, kajian ini untuk menerangkan, menguji, dan menyelidiki hal berikut:

1. Untuk mengenal pasti bentuk budaya industri pembuatan dan tahap maklumat SPP yang digunakan industri pembuatan di Indonesia.
2. Untuk mengenal pasti ciri-ciri pepadanan SOD-PKP dan tahap keberkesanan industri pembuatan di Indonesia.
3. Untuk menguji kesan pepadanan SOD-PKP ke atas tahap penggunaan maklumat SPP.
4. Untuk menguji peranan penggunaan maklumat SPP sebagai pencelah hubungan antara pepadanan SOD-PKP dengan tahap keberkesanan industri pembuatan.
5. Untuk mengenal pasti peranan budaya industri pembuatan di dalam meningkatkan hubungan antara penggunaan maklumat SPP dengan tahap keberkesanan industri pembuatan.

1.5 Sumbangan Kajian

Penemuan kajian ini diharapkan memberi sumbangan tentang faktor penentu keberkesanan organisasi, iaitu kesesuaian daripada SPP, budaya organisasi, SOD, dan PKP. Sumbangan kajian ini berupa sumbangan teoretikal dan sumbangan praktikal. Untuk itu, perbincangan akan dibahagikan kepada dua kategori sumbangan tersebut.

1.5.1 Sumbangan Teoretikal

Memandangkan terdapat pelbagai penemuan pemboleh ubah kontekstual (seperti: persekitaran, teknologi, strategi, struktur) sebagai pemboleh ubah penyederhana daripada hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi, maka pengkaji-pengkaji telah mencadangkan supaya menyelidiki

peranan budaya pada hubungan tersebut. Kajian perakaunan pengurusan masih belum memberi perhatian yang banyak ke atas budaya sebagai penyederhana hubungan antara SPP dengan keberkesanan organisasi. Padahal, budaya merupakan penyederhana yang sangat menonjol bagi kejayaan (keberkesanan) syarikat (Risseeuw & Masurel, 1993; Williams & Seaman, 2001). Penemuan kajian ini kemungkinan dapat memberikan penjelasan ke atas penemuan kajian Chow, Shield, dan Chan, (1991) dan Merchant, Chow, dan Wu, (1995). Mereka mendapati bahawa tidak ada perkaitan antara budaya syarikat dengan sistem organisasi, khususnya pengawalan. Walau bagaimanapun, budaya mempunyai pengaruh ke atas proses pengurusan (Denison, 1990; Turner, 1992). Jadi, sumbangan kajian ini ialah berkaitan dengan peranan budaya sebagai pemboleh ubah penyederhana, khasnya budaya organisasi sebagai faktor penyederhana hubungan antara SPP dengan keberkesanan syarikat.

Penemuan kajian ini pula kemungkinan boleh menyokong hujah Bourgeois III (1985) dan Drazin dan Van de Ven (1985), bahawa kesesuaian antara persekitaran dan struktur organisasi berupa pepadanan. Ini berkenaan penemuan pengkaji-pengkaji yang bercanggah mengenai wujud kesesuaian antara persekitaran dan struktur organisasi adalah pencilah. Kajian Gordon dan Narayanan (1984) mendapati persekitaran sebagai pencilah hubungan antara struktur organisasi dengan SPP. Manakala kajian Chenhall dan Morris (1986) mendapati struktur organisasi sebagai pencilah hubungan antara persekitaran dengan SPP. Selain itu, penemuan Gul dan Chia (1994) bahawa persekitaran sahaja atau struktur organisasi sahaja tidak boleh menjadi penyederhana hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus. Tetapi,

interaksi struktur organisasi dan persekitaran dapat menjadi penyederhana hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus. Sumbangan kajian selanjutnya ialah konseptual pepadanan struktur organisasi - persekitaran, di mana setakat ini belum dilakukan penyelidikan.

Selain itu, kajian-kajian terdahulu banyak tertumpu pada hubungan antara SPP dengan prestasi pengurus atau prestasi sub-unit syarikat (seperti: Chang at al., 2003; Chia, 1995; Choe, 2004, Chong & Chong, 1997; Gul, 1991; Mia, 1993). Manakala kajian yang tertumpu pada hubungan antara SPP dengan keberkesanan syarikat masih terhad (seperti: Mia, 2000). Kajian Mia (2000) tersebut telah mengukur keberkesanan syarikat melalui pengukuran kewangan, iaitu pulangan atas pelaburan. Oleh itu, sumbangan kajian adalah penggunaan pemboleh ubah bersandar yang berupa keberkesanan syarikat yang mencakupi dimensi kecekapan dan produktiviti.

1.5.2 Sumbangan Praktikal

Penemuan kajian ini diharapkan menjadi pertimbangan bagi pengurusan atau perunding pada masa membuat rekabentuk SPP yang berkualiti bagi mengawal aktiviti-aktiviti syarikat. Kajian ini cuba untuk menguji model perkaitan antara SPP dan keberkesanan syarikat, dan juga cuba mengenal pasti amalan-amalan budaya syarikat. Oleh itu, sejauhmana dimensi-dimensi SPP ini mempengaruhi keberkesanan syarikat dan bagaimana amalan-amalan budaya syarikat mempengaruhi hubungan dimensi-dimensi SPP dengan keberkesanan syarikat akan menjadi asas kepada pengurusan syarikat untuk membuat rekabentuk SPP yang bersesuaian ke atas matlamat syarikat.

Selain dari itu, kajian ini cuba untuk menguji model perkaitan yang berwujud pemadanan struktur organisasi - persekitaran ke atas dimensi-dimensi SPP. Ia juga, cuba mengenal pasti penggunaan maklumat SPP yang dimanifestasikan melalui dimensi-dimensi SPP sebagai pencilah daripada hubungan antara pemadanan struktur organisasi - persekitaran dengan keberkesanan syarikat. Oleh itu, sejauhmana situasi pemadanan struktur organisasi - persekitaran tersebut mempengaruhi penggunaan maklumat SPP yang dimanifestasikan melalui dimensi-dimensi SPP dan bagaimana peranan penggunaan maklumat SPP dalam menghubungkan kesan pemadanan struktur organisasi - persekitaran ke atas keberkesanan syarikat akan menjadi asas kepada pengurusan syarikat untuk membuat rekabentuk SPP yang bersesuaian dengan matlamat syarikat.

1.6 Definisi Pemboleh ubah Bersandar

Bahagian ini akan mendefinisikan secara ringkas pemboleh ubah bersandar yang akan dikaji. Pemboleh ubah bersandar kajian adalah keberkesanan syarikat. Keberkesanan ialah darjah pencapaian matlamat pada sistem syarikat (Kimberly & Rottman, 1987). Berasaskan nilai persaingan iaitu fokus ke atas luaran, kawalan (kestabilan), dan tujuan pada model matlamat rasional, maka dimensi keberkesanan syarikat pada kajian ini mengenalpasti kecekapan dan produktiviti.

1.6.1 Kecekapan

Kecekapan merujuk kepada sejauhmana syarikat mencapai hasil sesuai piawai dengan jumlah keluaran tertentu atau lebih rendah (Todorovic, 1981).

Kecekapan merupakan keupayaan syarikat untuk pencapaian matlamat (aktiviti) melalui pengeluaran kos yang telah ditetapkan.

1.6.2 Produktiviti

Produktiviti merujuk kepada sejauhmana syarikat dapat menghasilkan lebih banyak daripada aktiviti yang telah ditetapkan (Vora, 1992). Produktiviti merupakan keupayaan syarikat untuk pencapaian keluaran melalui jumlah pekerja dan masa yang diperlukan untuk suatu aktiviti.

1.7 Definisi Pemboleh ubah Tak Bersandar

Definisi pemboleh ubah tak bersandar kajian akan dibincangkan pada bahagian ini. Pemboleh ubah tak bersandar kajian mencakupi sistem perakaunan pengurusan (SPP), persekitaran, struktur organisasi, dan situasi pepadanan struktur organisasi - persekitaran.

1.7.1 Sistem Perakaunan Pengurusan (SPP)

Wujud SPP pada kajian ini dikonseptualisasikan sebagai maklumat. SPP ialah maklumat yang disediakan oleh perakaunan pengurusan dalam syarikat (Chenhall & Morris, 1986; Mia, 1993). SPP merujuk kepada wujud maklumat dan tahap penggunaan maklumat yang dihasilkan sistem formal syarikat. Dimensi-dimensi SPP mengenal pasti dimensi maklumat dari Chenhall dan Morris (1986), iaitu skop yang luas, ketepatan waktu, kesatuan, dan penggabungan.

1.7.1.1 Skop yang Luas

Skop yang luas merujuk kepada wujud maklumat dan tahap penggunaan maklumat yang berkenaan dengan sejarah dan masa hadapan, kewangan dan bukan kewangan yang berasal dari dalam dan luar syarikat (Bouwens & Abernethy, 2000).

1.7.1.2 Ketepatan waktu

Ketepatan waktu merujuk kepada wujud maklumat dan tahap penggunaan maklumat yang berkenaan dengan kekerapan ketersediaan maklumat dan tempoh masa ketersediaan maklumat ketika diperlukan (Bouwens & Abernethy, 2000).

1.7.1.3 Kesatuan

Kesatuan merujuk kepada wujud maklumat dan tahap penggunaan maklumat yang berkenaan dengan ringkasan maklumat dan model keputusan yang dibuat oleh bahagian lain di dalam sesebuah syarikat (Bouwens & Abernethy, 2000).

1.7.1.4 Penggabungan

Penggabungan merujuk kepada wujud maklumat dan tahap penggunaan maklumat yang berkenaan dengan aktiviti sesebuah bahagian yang mempengaruhi aktiviti bahagian lain di dalam sesebuah syarikat (Bouwens & Abernethy, 2000).

1.7.2 Persepsi Ketidakpastian Persekitaran (PKP)

Persekitaran syarikat ialah seluruh elemen yang ada di luar syarikat yang memberi kesan kepada seluruh aspek syarikat (Daft, 1997). PKP merujuk kepada tahap persepsi pengurusan mengenai peramalan dan kestabilan dari pelbagai aspek persekitaran luaran syarikat (Gordon & Narayanan, 1984; Chong & Chong, 1997).

1.7.3 Struktur Organisasi Desentralisasi (SOD)

Struktur organisasi ialah tingkatan organisasi menegak yang dimulai dari peringkat bawahan hingga pengurus atasan dan menjadi pola kerja kumpulan dalam syarikat (Gibson, 1997). Struktur organisasi mengenal pasti dimensi struktur desentralisasi. Desentralisasi merujuk kepada tahap pengurusan atas mewakili membuat keputusan kepada tahap pengurusan lebih rendah (Chia, 1995).

1.7.4 Pemadanan SOD-PKP

Kesesuaian merupakan pemadanan antara faktor-faktor luaran ekonomi (seperti: persekitaran, strategi industri) dan faktor-faktor dalaman syarikat (seperti: struktur organisasi, gaya pengurusan) (Naman & Slevin, 1993). Pemadanan SOD-PKP merujuk kepada interaksi (pengaruh timbal balik) antara PKP dan SOD (Drazin & Van de Ven, 1985).

1.8 Definisi Pemboleh ubah Penyederhana

Bahagian ini akan mendefinisikan pemboleh ubah penyederhana yang akan dikaji. Pemboleh ubah penyederhana kajian adalah budaya syarikat. Budaya

syarikat ialah nilai, keyakinan, dan prinsip yang digunakan sebagai dasar sistem pengurusan syarikat (Denison, 1990). Budaya syarikat ialah satu set andaian, keyakinan, nilai, dan persepsi yang dimiliki oleh anggota syarikat yang membentuk dan mempengaruhi perilaku atau sikap anggota syarikat (Hofstede, 1990). Budaya syarikat merujuk pada satu set keyakinan, nilai, dan tindakan dari anggota syarikat. Budaya syarikat kajian mengenal pasti dimensi budaya dari Hofstede (1993), iaitu budaya jarak kuasa dan budaya pengelakan ketidakpastian.

1.8.1 Budaya Jarak Kuasa

Budaya jarak kuasa merupakan budaya masyarakat yang menerima realiti bahawa ada perbezaan pengagihan kuasa dan kekayaan (Hofstede, 1993). Budaya jarak kuasa merupakan budaya masyarakat yang menerima realiti bahawa ada perbezaan pengagihan kekuasaan dalam institusi dan organisasi. Budaya jarak kuasa merujuk kepada darjah perbezaan kuasa yang berlaku di syarikat.

1.8.2 Budaya Pengelakan Ketidakpastian

Budaya pengelakan ketidakpastian merupakan budaya masyarakat yang merasa tidak selesa (terancam) dengan situasi ketidakpastian dan kesamaran (Hofstede, 1993). Oleh itu, mereka cuba mengelak dengan menerima perilaku tegas-keras dan yakin pada kebenaran mutlak. Budaya pengelakan ketidakpastian merujuk kepada darjah upaya menurunkan ketidakpastian di syarikat dengan memakai dan melaksanakan kaedah, hukum, polisi, dan peraturan.

1.9 Susunan Tesis

Tesis ini dibincangkan dalam enam bab. Bab Satu membincangkan mengenai gambaran secara garis besar daripada kajian dan masalah penyelidikan. Bab Dua membincangkan literatur dan mengulas karya-karya lalu yang berkaitan dengan persoalan-persoalan kajian. Bab Tiga membincangkan rangka kerja konseptual dan pembentukan hipotesis-hipotesis kajian yang berasaskan ke atas masalah penyelidikan. Bab Empat membincangkan kaedah penyelidikan, pengukuran pemboleh ubah kajian, dan pembentukan soal selidik kajian. Selain dari itu, dihuraikan pula populasi dan pensampelan, pengutipan data, ujian kualiti data, dan teknik analisis data bagi ujian hipotesis. Bab Lima menganalisis dan menjalankan ujian statistik ke atas kualiti data dan hipotesis. Akhir sekali, Bab Enam membincangkan dapatan kajian dan penemuan-penemuan serta membincangkan pula kelemahan penyelidikan dan cadangan kajian akan datang.

BAB 2

TEORI DAN ANALISIS KONSEPTUAL

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dua bahagian utama. Pertama, menghurai tentang teori asas penyelidikan, iaitu teori kontingensi. Bahagian ini membentangkan definisi konseptual kesesuaian dipandang sebagai pepadanan, pencelah, dan penyederhana. Kedua, menghurai tentang teori yang berkenaan dengan pemboleh ubah kajian. Bahagian ini membentangkan definisi konseptual keberkesanan organisasi, sistem perakaunan pengurusan (SPP), persepsi ketidakpastian persekitaran (PKP), struktur organisasi desentralisasi (SOD), dan budaya organisasi.

2.1 Pendekatan Kontingensi

Teori kontingensi merupakan maklum balas daripada pendekatan sejagat. Pendekatan sejagat ini menyatakan bahawa sesuatu dapat diamalkan pada seluruh situasi dan pada seluruh organisasi. Sumber yang mendorong perkembangan pendekatan kontingensi adalah keputusan yang tidak memuaskan ke atas penemuan yang bercanggah dalam pendekatan sejagat. Pendekatan kontingensi dipelopori oleh Burn dan Stalker (1961). Mereka menyatakan bahawa sesuatu yang baik untuk amalan sesebuah organisasi tidak selalunya baik pula untuk organisasi lain, tetapi bersandar kepada situasi yang dihadapi organisasi tersebut. Ini bermakna, sesuatu komponen dengan komponen lain di dalam organisasi harus bersesuaian agar organisasi boleh